

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN APRIL BULAN 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MEDIA	MUKA SURAT
1.	07.04.2022	Pegawai JPJ Kena Denda RM17,500	Harian Metro	2
2.	07.04.2022	Ex-CFO Ordered To Expedite Felcra's RM150 Mil Investment Resolution	The Edge CEO Morning Brief	3
3.	08.04.2022	'Rasuah Jenayah Akhir Zaman'	Harian Metro	4
4.	09.04.2022	8 Direman Kes Rasuah Projek RM2.3B	Kosmo	5
5.	09.04.2022	Pegawai PPD Tak Mengaku Salah Terima RM5,000	Harian Metro	6
6.	09.04.2022	Felcra Board Directors Aware Of Risks Involved In Unit Trust Investment - Witness	Borneo Post (Kuching)	7
7.	13.04.2022	Pengurus Anak Syarikat TNB Mengaku Tidak Bersalah Kemuka Tuntutan Palsu	Sinar Harian	8
8.	12.04.2022	Lelaki Ditahan Tuntutan Palsu RM8 Juta	Harian Metro	9
9.	15.04.2022	Bekas CEO Kolej Swasta Mengaku Tidak Bersalah Makan Suap RM5,000	Harian Metro	
10.	15.04.2022	Status Projek kapal Tempur Belum Diputuskan	Kosmo	10
11.	18.04.2022	SPRM Masih Siasat Projek Jeti Kayu	Utusan Borneo Sarawak	11
12.	21.04.2022	Disyaki Buat Tuntutan Penugasan Palsu RM25K	Harian Metro	12
13.	22.04.2022	Ex-Felda Supervisor Charged With Fraud	The Sun	
14.	22.04.2022	Former Felda Supervisor Charged With Falsifying Documents	The Edge	13
15.	22.04.2022	Bekas KP Perisikan Pertahanan Didenda RM80,000	Sinar Harian	14
16.	23.04.2022	Tuntut RM80K, Kerja Tak Siap – Dua Individu Direman	Harian Metro	15

Harian Metro | 7 April 2022 | Page 2C



MOHD Najmi (tengah) diiringi pegawai SPRM di pekarangan Mahkamah Sesyen Seremban, semalam. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Sembilan mengaku bersalah di hadapan Mahkamah Sesyen Seremban di sini, semalam, atas dakwaan meminta rasuah daripada pemilik sebuah syarikat.

Ia sebagai dorongan tidak mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap lapan kenderaan sejak Februari 2018 hingga Mei 2019.

Tertuduh, Mohd Najmi Zakaria, 38, dijatuhi hukuman penjara 14 hari bermula dari tarikh ditangkap dan didenda RM17,500 selepas membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Roshan Lutfi Mohamed sejurus pertuduhan dibacakan jurubahasa.

Menurut pertuduhan, tertuduh meminta suapan RM3,500 daripada pemilik syarikat itu sebagai dorongan tiada tindakan penguatkuasaan diambil berkaitan lapan kenderaan yang tidak mematuhi notis di bawah Seksyen 61(1) Akta

MENGAKU MINTA RASUAH RM3,500

Pegawai JPJ kena denda RM17,500

Pengangkutan Jalan 1987.

Kesalahan dilakukan dari 13 Februari 2018 hingga 31 Mei 2019 di sekitar daerah Seremban.

Jika sabit kesalahan tertuduh boleh dihukum penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pertuduhan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali.

Dalam prosiding kes, tertuduh diwakili peguam,

Asmawi Ismail memohon hukuman paling minimum dikenakan ke atas anak guamnya yang mempunyai seorang isteri dan dua anak yang masih bersekolah.

"Tertuduh sudah 14 tahun berkhidmat dalam JPJ. Dia juga menjaga ibu bapa yang sudah tua yang mana ayahnya baru menjalani pembedahan jantung dan dalam proses untuk sembuh.

"Kesalahan yang dilakukan tertuduh yang pertama dihadapi. Sebagai penjawat

jaskan pekerjaannya serta dia akan hilang pendapatan untuk menanggung keluarga," katanya.

Pihak pendakwaan meminta mahkamah supaya menjatuhkan hukuman se-timpal terhadap tertuduh dengan mengambil kira kepentingan awam.

Dalam pada itu, mahkamah bagaimanapun melepas dan membebaskan tertuduh bagi satu pertuduhan lain di bawah Seksyen 171A Kanun Prosedur Jenayah, selepas mengambil kira pengakuan bersalah serta persetujuan pihak pendakwaan dan tertuduh untuk menggunakan pakai TIC (*take into consideration*).

Tertuduh minta suapan RM3,500 sebagai dorongan tak ambil tindakan penguatkuasaan



Ex-CFO ordered to expedite Felcra's RM150 mil investment resolution

KUALA LUMPUR (April 6): Former Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (Felcra) group chief financial officer (CFO) testified on Wednesday that he had received direct instructions from Kinabatangan MP Datuk Seri Bung Moktar Radin to expedite the board of directors' resolution on Felcra's RM150 million investment in Public Mutual Berhad's unit trusts.

Mohd Azmy Abu Samah, 54, said as an employee, he only followed the instructions given as Bung Moktar had approved his appointment as CFO at the agency.

"At that time, I still didn't understand there was a situation, that there was an office 'cold war' at Felcra. I didn't want to get involved because I was still new.

"Furthermore, it was the Felcra chairman (Bung) who approved my post as the CFO," the witness said when questioned by deputy public prosecutor Mohd Sophian Zakaria at the corruption trial involving Bung Moktar and his wife, Datin Seri Zizie Izzette Abdul Samad at the Sessions Court.

In previous proceedings, Mohd Azmy told the court that chief investment officer (CIO) Datuk Zulkarnain Md Eusope had advised him on the 'cold war' between the old team and new team and there was a possibility that relations between the chairman (Bung Moktar) and the chief executive officer (CEO) Datuk Ramllee Abu Bakar was not good.

Bername

Asked by Mohd Sophian what would happen if he did not follow Bung Moktar's instructions, Mohd Azmy replied, "At that time, I did not think about the matter at all."

When asked by Mohd Sophian whether the witness had met Bung Moktar and asked why he needed to get direct instructions from the politician, Mohd Azmy said he did not ask about the matter.

Touching on Felcra's investment in Public Mutual Berhad's unit trusts, Mohd Azmy said he had been advised not to report it as the investment proposal came from Bung Moktar.

Mohd Azmy in his testimony earlier told the court that the Finance Ministry had agreed to approve Felcra's RM150 million investment in Public Mutual Berhad's unit trusts after examining three investment proposal papers submitted by Bung Moktar.

Asked by Mohd Sophian why Mohd Azmy did not report the development of the investment (Public Mutual unit trusts) to Ramllee (former CEO of Felcra), the witness replied, "Before the investment, it was not reported but after the investment was made, the matter was brought to the top management council (MPT) meeting."

In his reply to a question about his relationship with Bung Moktar's wife, Zizie Izzette, Mohd Azmy explained that he did not have either a casual or professional re-

lation because he had only met the actress twice and they had never talked.

According to Mohd Azmy, he also did not know about Zizie Izzette's involvement in the investment (Public Mutual unit trusts) and had never discussed it with the actress.

Proceedings before Judge Rozina Ayob will continue on April 8.

On May 3, 2019, Bung Moktar, 64, pleaded not guilty to two charges of accepting bribes amounting to RM2.2 million and RM262,500 as inducement to obtain Felcra's approval to invest RM150 million in Public Mutual unit trusts.

Bung Moktar, who was the non-executive chairman of Felcra at the time, was accused of accepting bribes from Public Mutual Berhad's investment agent Madhi Abdul Hamid through Zizie Izzette at Public Bank's Taman Melawati branch here between 12.30pm and 5pm on June 12, 2015.

He also pleaded not guilty to accepting an RM335,500 cash bribe from Norhailli under the name of Zizie Izzette for similar reasons, at the same place on June 19, 2015, while Zizie Izzette, 44, pleaded not guilty to three charges of abetting her husband in the matter at the same place, date and time.

Read also: Graft: Former director in PM's Department Penang gets reduced jail term [Click here](#)

Harian Metro | 8 April 2022 | Page 3

Oleh Norzamira Che
Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

'Harap muhasabah diri, itu (perbuatan rasuah) tetap kesalahan walaupun insiden pada 2015. Ingat, rasuah ini jenayah akhir zaman."

Pesan itu dititipkan Hakim Mahkamah Sesyen di sini, Hakim Rozilah Salleh terhadap bekas eksekutif niaga tani Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Klang yang didapati bersalah tidak melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau polis berhubung suapan cek tunai berjumlah RM5,000 diterimanya pada Julai 2015.

Terdahulu, tertuduh, Mohd Jazid Md Jani, 52, mengaku bersalah atas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Rozilah.

Dia kemudiannya didenda RM8,000 atau penjara enam bulan jika gagal melunaskan denda terbabit.

Rozilah dalam penghakimannya memaklumkan pengakuan salah di harap akan menimbulkan insaf dan tertuduh tidak mengulangi kesalahan sama.

Mengikat kertas pertuduhan, Mohd Jazid yang bertugas sebagai eksekutif niaga tani ketika itu diberikan suapan iaitu cek berjumlah RM5,000 yang ditunaikannya daripada seorang individu.

Ia sebagai dorongan membantu sebuah syarikat mendapatkan kerja pembekalan baja cecair organik bagi input pertanian

**Tertuduh berdepan
penjara enam bulan
jika gagal melunaskan
denda yang dikenakan**

'Rasuah jenayah akhir zaman'

Bekas eksekutif niaga tani PPK Klang didenda RM8k gagal lapor suapan cek bernilai RM5,000

PPK kawasan Klang berjumlah RM143,100.

Justeru, tertuduh melanggar peruntukan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009 (Akta 694) iaitu gagal melaporkan pemberian suapan tersebut kepada pihak SPRM atau pegawai polis yang paling hampir.

Tertuduh juga melanggar Seksyen 25 (1) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum bawah Seksyen 25 (2) akta sama iaitu jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya.

Mohd Jazid melakukakan kesalahan itu di Jalan Kemboja 4B/2, Bukit Sentosa, Rawang pada 21 Julai 2015.

Terdahulu, Mohd Jazid yang tidak diwakili peguam merayu kepada mahkamah untuk mengurangkan denda yang dikenakan atas alasan dia sudah bertaubat.

Dia juga menguruskan ibunya yang berusia 80 tahun serta tiga anak termasuk dua yang sedang melanjutkan pengaji-

an di universiti selepas kematian isteri pada 2020.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya SPRM

Fadhli Ab Wahab memohon hukuman setimpal kerana ia kesalahan serius dan kepentingan awam perlu diambil kira melebihi kepentingan tertuduh.



MOHD Jazid dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.

KOSMO | 09 APRIL 2022 | MS 3

SPRM turut menyita wang tunai RM27,000, barangan kemas dan kereta mewah 8 direman kes rasuah projek RM2.3b

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA - Lapan individu direman antara empat hingga lima hari masing-masing di Mahkamah Majistret Putrajaya dan Kuching, Sarawak bagi membantu siasatan kes rasuah melibatkan projek milik syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bernilai lebih RM2.3 bilion.

Kesemua yang direman berusia 35 hingga 45 tahun itu terdiri daripada ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pegawai eksekutif, pengarah dan pemilik syarikat.

Mahkamah Majistret Putrajaya semalam mengeluarkan perintah reman selama dua hari kepada dua individu dan lima hari kepada empat individu lain.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Shah Wira Abdul Halim selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sementara di Sarawak pula, Majistret Zubaidah Sharkawi menetapkan tahanan reman selama lima hari dan dua hari kepada dua individu.

Dalam pada itu, menurut sum-



ANTARA suspek yang ditahan SPRM berhubung siasatan kes rasuah projek GLC di Mahkamah Majistret Putrajaya semalam. - FAISOL MUSTAFA

ber, kesemua individu berkenaan dipercayai terlibat dalam kes rasuah melibatkan projek-projek milik sebuah GLC dengan anggaran nilai kontrak keseluruhan melebihi RM2.3 bilion antara tahun 2017 hingga 2021.

Katanya, kesemua mereka ditahan di Ibu Pejabat SPRM di

Putrajaya dan Sarawak kira-kira pukul 1.30 petang semalam hingga 12.30 tengah malam semalam ketika kesemuanya hadir memberi keterangan.

Tambahnya, susulan penahanan tersebut, SPRM telah menyita 10 buah kenderaan mewah pelbagai jenama, pelbagai mata

wang tunai melebihi RM27,000, lebih 50 barangan kemas pelbagai jenis termasuk jongsong emas.

Selain itu menurut sumber, barangan lain yang disita SPRM termasuk 15 utas jam tangan mewah pelbagai jenama serta 13 beg tangan mewah pelbagai jenama.

SPRM juga katanya, telah membekukan 12 akaun syarikat dan individu.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan penahanan tersebut dan kes disiasat mengikut Seksyen 17 Akta SPRM 2009.

Harian Metro | 9 April 2022 | Page 23

Pegawai PPD tak mengaku salah terima RM5,000

Tawau: Seorang pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Khas Rasuah di sini, semalam atas tuduhan menerima wang tunai RM5,000 daripada seorang kontraktor, kira-kira dua tahun lalu.

Tertuduh, Abdul Samad Amara, 44, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh didakwa menerima wang tunai RM5,000 daripada pemilik sebuah syarikat dalam kereta Perodua Myvi di Taman Univila di sini, pada 11 September 2020.

Tertuduh mengetahui lelaki itu mempunyai hubungan dengan kerja rasminya selaku Ketua Unit Infrastruktur Dan Pembangunan PPD Tawau bagi Kerja-Kerja Baik Pulih dan Penyelenggaraan di Sekolah Kebangsaan Balung, Tawau berjumlah RM223,247 yang dianugerahkan kepada syarikat individu terbabit.

Berikutan itu, tertuduh

didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah, Nurul Izzati Sapifee.

Pihak pendakwaan menawarkan ikat jamin RM5,000 sebelum tertuduh merayu jaminan rendah kerana sedang 'cuti belajar' selain menanggung isteri dan tiga anak berusia dua hingga 16 tahun.

Mahkamah menetapkan tertuduh diikat jamin RM5,000 (deposit RM3,000) dengan seorang penjamin tempatan, menyerahkan pasport, melapor diri ke SPRM dan dilarang mendekati saksi-saksi pendakwaan.

Abu Bakar kemudian menetapkan 3 Jun depan sebagai tarikh sebutan semula untuk serahan dokumen dan lantikan peguam.



ABDUL Samad (kiri) diiringi di Mahkamah Khas Rasuah Tawau.
- Gambar NSTP/ABDUL RAHEMANG TAIMING

Court Borneo Post (Kuching) | 9 April 2022 | Page 2

Felcra board of directors aware of risks involved in unit trust investment — Witness

KUALA LUMPUR: Former Felcra Bhd group chief financial officer told the Sessions Court yesterday that Felcra's board of directors was aware that the decision to invest RM150 million in Public Mutual Berhad's unit trust was risky.

Mohd Azmy Abu Samah, 54, however, said he requested the board of directors to consider the investment proposal when presenting it in a board meeting.

However, the decision on the investment was not presented or discussed in the top management council (MPT) meeting, he said during cross-examination by lawyer Datuk K. Kumaraendran, representing Datin Seri Zizie Izette Abdul Samad, at the corruption trial involving Kinabatangan Member of Parliament Datuk Seri Bung Mokhtar Radin and his wife (Zizie

Izette) before Judge Rozina Ayob.

The 26th prosecution witness said during the presentation session he informed the board that Felcra had RM300 million of cash to invest and asked the board to consider it.

Asked by Kumaraendran whether former Felcra chief executive officer (CEO) Datuk Ramlee Abu Bakar raised any issues during the presentation, the witness said the CEO only wanted to know the reason the unit trust investment was not brought to the MPT.

However, Mohd Azmy said there was no objection or discussion from the board of directors regarding the investment.

Kumaraendran: Did the board continue with the investment (RM150 million)?

Mohd Azmy: Yes.

The witness also agreed with Kumaraendran's suggestion that the RM150 million investment was made by Felcra on May 18, 2015.

He also agreed with Kumaraendran's suggestion that the board had never approved any amount to be invested by Felcra.

In the previous proceedings, Mohd Azmy told the court that the Ministry of Finance agreed to approve the RM150 million investment by Felcra in Public Mutual Bhd unit trust after three investment proposal papers were submitted by Bung Mokhtar.

The proceedings continue on April 12.

On May 3, 2019, Bung Mokhtar,

54, pleaded not guilty to two charges of receiving bribes amounting to RM2.2 million and

RM262,500 as an inducement to obtain the approval of Felcra to make an RM150 million investment in Public Mutual unit trust.

Bung Mokhtar who was the non-executive chairman of Felcra then allegedly received the bribes from Madhi Abdul Hamid through Zizie Izette at the Public Bank branch in Taman Melawati here between 12.30 pm and 5 pm on June 12, 2015.

He also pleaded not guilty to receiving cash bribes of RM335,500 from unit trust consultant Norhaili Ahmad Mokhtar under Zizie Izette's name for the same reason at the same place on June 19, 2015, while Zizie Izette, 44, pleaded not guilty to three charges of abetting with her husband on the matter at the same place, date and time.

— Bernama



Bung walking out of the Jalan Duta Court Complex in Kuala Lumpur.
— Bernama photo

Sinar Harian | 13 April 2022 | Page 19

Pengurus anak syarikat TNB mengaku tidak bersalah kemuka tuntutan palsu

KUALA LUMPUR - Seorang pengurus sebuah anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas pertuduhan mengemukakan tuntutan elaun lojing dan saraan palsu berjumlah RM1,855, dua tahun lepas.

Norhayati Hamzah, 50, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan utama dan pilihan yang dibacakan ke atasnya di hadapan Hakim Rozina Ayob.

Mengikut pertuduhan utama, Norhayati sebagai pengurus di TNB Power Generation Sdn Bhd didakwa telah menggunakan empat dokumen yang mengandungi tuntutan elaun lojing dan saraan palsu bertarikh antara 22 Disember 2019 dan 5 Februari 2020 berjumlah keseluruhan RM1,855 dengan niat untuk memperdayakan Pengurus Jabatan Audit dan Pematuhan di syarikat tersebut, Mohd Kamal Zulkawi.

Dokumen itu digunakan Norhayati untuk mengelirukan Mohd Kamal sedangkan tertuduh tahu sebenarnya perjalanan dan lojing tersebut tidak dibuat.

Kesalahan itu dilakukan di pejabat TNB Power Generation Sdn Bhd di Bangunan Penjanaaan, Jalan Bangsar di sini antara 17 Januari dan 26 Februari 2020.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada

lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika disabit kesalahan.

Wanita itu juga didakwa atas pertuduhan pilihan menggunakan empat dokumen tulen mengandungi tuntutan elaun lojing dan saraan sama yang tertuduh tahu ia mengandungi butiran palsu di tempat dan masa sama mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun sama yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda, atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Fadhli Ab Wahab sebelum itu menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin serta dua syarat tambahan iaitu pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah dan melaporkan diri ke pejabat SPRM berdekatan.

Peguam, K Komagan yang mewakili Norhayati memohon jaminan rendah dalam lingkungan RM3,000 hingga RM5,000 atas alasan anak guamnya masih bekerja dengan TNB Power Generation Sdn Bhd dan tidak mempunyai sebarang isu tatatertib dengan syarikat tersebut.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin berserta dua syarat tambahan seperti yang dipohon pihak pendakwaan selain menetapkan 12 Mei depan untuk sebutan semula kes. - *Bernama*

Harian Metro | 12 April 2022 | Page 2

Lelaki ditahan tuntutan palsu RM8 juta

Johor Bahru: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor menahan seorang bekas pengarah urusan sebuah syarikat teknologi maklumat (IT) bagi membantu siasatan kerana dipercayai mengemukakan tuntutan palsu berjumlah

hampir RM8 juta.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia 59 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Johor, jam 11 pagi semalam selepas hadir memberikan keterangan.

Difahamkan, ketika memegang jawatan pengarah

urusan syarikat berkenaan, suspek mengemukakan tuntutan berkenaan kepada sebuah syarikat lain bagi kerja membabitkan penggantian barangan IT pada tahun 2016.

Sementara itu, Pengarah SPRM Johor Datuk Azmi

Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan berkata kes kini disiasat pihaknya di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Bagaimanapun, suspek dilepaskan dengan jaminan SPRM.

Harian Metro | 15 April 2022 | Page 27

Bekas CEO kolej swasta mengaku tidak bersalah makan suap RM5,000

Kuantan: Bekas ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah kolej swasta mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan menerima suapan berjumlah RM5,000 bagi mengeluarkan sijil dan transkrip tanpa mengikut prosedur, tujuh tahun lalu.

Amran Mustafa, 58, didakwa menerima suapan itu pada 21 dan 24 Oktober 2015 daripada seorang pelajar lelaki yang dibayar secara dalam talian menerusi orang tengah yang dikata-

kan sebagai upah untuk mengeluarkan sijil dan transkrip Program Asasi Sains di Kolej Sentral tanpa mengikut prosedur yang betul.

Pertuduhan adalah mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta

sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi jika disabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa SPRM, Kamariah Seman menawarkan jaminan sebanyak RM10,000 dengan seorang

penjamin bagi kedua-dua pertuduhan, bagaimanapun peguam Ahmad Mawardi Che Hasan yang mewakili Amran merayu jumlah itu dikurangkan.

"Tertuduh tidak bekerja sejak lima tahun lalu, malah sudah digantung tugas sebelum dipecat dan dia tidak dibayar elau-

sepanjang tempoh terbabit.

"Tertuduh mempunyai sembilan orang anak yang masih belajar di kolej, sekolah menengah dan rendah," katanya dan menambah anak guamnya memberi kerjasama yang baik sejak kes itu disiasat lima tahun lalu.

Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain membenarkan jaminan sebanyak RM8,000 dengan seorang penjamin bagi kedua-dua pertuduhan dan menetapkan syarat tambahan, iaitu tertuduh perlu melapor diri di pejabat SPRM setiap bulan serta menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 17 Mei ini.

Kosmo | 15 April 2022 | Page 4

Status projek kapal tempur belum diputuskan

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertahanan memaklumkan perincian kertas cadangan akan dilaksanakan terlebih dahulu sebelum dibentangkan kepada Kabinet berhubung keputusan untuk meneruskan projek pembinaan kapal tempur pesisir (LCS).

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, Jawatankuasa Menteri Kabinet yang dipengerusikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ekonomi), Datuk Seri Mustapha Mohamed akan membentangkan kepada Kabinet berhubung keputusan muktamad Projek LCS itu.

"Keputusan meneruskan Projek LCS mendapat sokongan semua pihak, namun persetujuan



HISHAMMUDDIN

Kabinet untuk meneruskan projek ini memerlukan perincian dan perkara itu sudah dibangkitkan dalam mesyuarat Kabinet sebanyak tiga kali.

"Kabinet juga sudah mewujudkan satu jawatankuasa Menteri Kabinet untuk membuat pembentangan kembali dengan

perancangan lebih jelas," katanya ketika ditemui dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri di Wisma Pertahanan, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Hishammuddin berharap, jawatankuasa yang sudah selesai bermesyuarat dapat membentangkan kepada Kabinet bagi mendapat keputusan muktamad hala tuju LCS.

"Majoriti sudah membuat keputusan bahawa projek itu perlu diteruskan tetapi cara dan kaedahnya perlu mendapat persetujuan Kabinet," ujarnya lagi.

Terdahulu, akhbar melaporkan Projek LCS tergendala susulan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menahan dua pegawai kanan syarikat pengendali yang terlibat dalam kontrak perolehan enam LCS.

UTUSAN BORNEO SARAWAK | 18 APRIL 2022 | MS 6

SPRM masih siasat projek jeti kayu

JKR Sarawak menjelaskan jeti dibina daripada belian, bercanggah dengan dakwaan penduduk hanya tangga, tiang daripada belian

KUCHING: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sarawak masih menjalankan siasatan berhubung projek kontroversi projek jeti kayu bernilai RM50,000 di Kampung Mutap di Bekenu, kata Pengarahnya Mohd Zaki Hassan.

“Kenyataan yang dikeluarkan SPRM baru-baru ini hanya mencerminkan penemuan awal siasatan, jadi sebenarnya siasatan ke atas projek itu masih diteruskan.”

Mohd Zaki Hassan
Pengarah SPRM Sarawak

“Kenyataan yang dikeluarkan SPRM baru-baru ini hanya mencerminkan penemuan awal siasatan, jadi sebenarnya siasatan ke atas projek itu masih diteruskan,” kata Mohd Zaki kepada pemberita semasa Program Ihya Ramadan dan Berbuka Puasa di Masjid Darul Hana Patingan di sini kelmarin.

Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak telah mengeluarkan kenyataan pada 6 April di Facebook, menjelaskan



REAKSI: Mohd Zaki bercakap kepada pemberita semasa Program Ihya Ramadan dan Berbuka Puasa di Masjid Darul Hana Patingan kelmarin.

pembinaan jeti itu melibatkan penggunaan kayu belian, bercanggah dengan kenyataan penduduk tempatan yang mendakwa hanya tangga dan tiang diperbuat daripada belian.

Mohammad Nor Tambi, 45, penduduk Kampung Mutap, mendakwa hanya tangga dan tiang jeti dibina menggunakan belian manakala bahagian jeti selebihnya dibina menggunakan kayu jenis lain.

Dengan dakwaan baharu yang keluar itu, SPRM akan terus melakukan siasatan

untuk menentukan kesahihan dakwaan yang dibuat oleh penduduk tempatan, kata Mohd Zaki.

Laporan akhir kes itu akan dibawa kepada timbalan pendakwa raya, katanya.

Berhubung kenyataan yang dikeluarkan oleh ibu pejabat SPRM pada 12 April lalu, Mohd Zaki berkata tiada tanda-tanda rasuah atau penyelewengan terlibat dalam projek itu.

“Sekiranya masyarakat, ketua kampung mendapati atau mengesyaki sebarang

unsur rasuah di kampung mereka, mereka harus melaporkan perkara itu kepada kami.

“Sekiranya ia berlaku di bawah bidang kuasa SPRM, kami boleh membuka dan menjalankan siasatan.

“Masyarakat sesebuah kampung juga boleh memainkan peranan sebagai mata dan telinga sekiranya timbul sebarang isu berkaitan rasuah,” katanya sambil menambah, sebarang isu rasuah tidak seharusnya diletakkan dalam tanggungjawab SPRM semata-mata.

HARIAN METRO | 21 APRIL 2022 | MS 10



DUA penyelia sebuah persatuan sukarelawan beruniform dibawa ke Mahkamah Seremban untuk permohonan reman.

Disyaki buat tuntutan penugasan palsu RM25k

Seremban: Dua penyelia sebuah persatuan sukarelawan beruniform ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kelmarin, kerana dipercayai mengemukakan tuntutan elaun penugasan palsu berjumlah lebih RM25,000.

Kedua-dua lelaki berusia 38 dan 56 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Seremban di sini, jam 2 petang ketika hadir memberikan keterangan.

Kedua-duanya direman sehingga 26 April ini bagi membantu siasatan.

Permohonan reman terhadap kedua-dua lelaki dibuat Pegawai Pendakwa Mohd Khairi Abdul Karim di

hadapan Majistret Intan Syafinaz Ros'lin di Mahkamah Khas Trafik Seremban di sini, semalam.

Menurut sumber, tuntutan palsu itu membabitkan tuntutan penugasan di sebuah pusat pendidikan di Bandar Baru Enstek, Nilai, sedangkan kedua-duanya tidak hadir bertugas ketika itu.

Kesalahan dilakukan daripada Mei hingga November 2021.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan Awangkok Ahmad Taufik Putra Awang Ismail mengesahkan penahanan kedua-dua suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

The Sun | 22 April 2022 | Page 5

Ex-Felda supervisor charged with fraud

KUANTAN: A former supervisor of the Federal Land Development Authority (Felda) pleaded not guilty in the sessions court here yesterday to a charge of falsifying documents on the receipt list for cash deposit payments to settlers two years ago.

Muhammad Aizat Ziadi, 33, from Temerloh, made the plea before Justice Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

He was charged with falsifying the signatures of settlers on the November 2020 Paysheet Cash Payment Receipt Account List and December 2020 Advance Cash Payment Receipt Account List at the Felda Sebertak Office, Bera.

The charge, framed under Section 464(a) of the Penal Code, provides an imprisonment for up to two years or with a fine or both.

Muhammad Aizat was allowed bail of RM4,000 with one surety and ordered to report to a Malaysian Anti-Corruption Commission office every month pending disposal of the case. - Bernama

THE EDGE | 22 APRIL 2022 | PG 16

KUANTAN (April 21): A former supervisor of the Federal Land Development Authority (Felda) pleaded not guilty in the Sessions Court here on Thursday (April 21) to a charge of falsifying documents on the receipt list for cash deposit payments to settlers two years ago.

Muhammad Aizat Ziadi (repeat: Ziadi), 33, from Temerloh, made the plea before judge Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

He was charged with falsifying the signatures of settlers on the November 2020 Paysheet Cash Payment Receipt Account List (PS) and December 2020 Advance Cash Payment Receipt (PT) Account List at the Felda Sebertak Office, Bera.

The charge, framed under Section 464 (a) of the Penal Code, provides an imprisonment for up to two years or with a fine or both, upon conviction.

Muhammad Aizat, who had since lost the job and now working as a mechanic, was al-

Former Felda supervisor charged with falsifying documents

Bernama

lowed bail of RM4,000 with one surety and ordered to report himself at a MACC office every month pending disposal of the case.

The court set May 25 for mention.

Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) prosecuting officer Nadzirah Zahari prosecuted, while the accused was unrepresented.

Sinar Harian | 22 April 2022 | Page 13

Bekas KP Perisikan Pertahanan didenda RM80,000

KUALA LUMPUR - Bekas Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan, Leftenan Jeneral Datuk Sheikh Mokhsin Sheikh Hassan didenda RM80,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis, selepas mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan menerima barang berharga iaitu wang tunai RM26,000 berhubung kerja rasminya, dua tahun lepas.

Hakim Suzana Hussin menjatuhkan hukuman itu kepada pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berusia 61 tahun itu, selepas beliau menukar pengakuan kepada bersalah ketika sebutan kes pada Khamis.

Mahkamah memerintahkan tertuduh didenda RM80,000 atau penjara enam bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, Sheikh Mokhsin telah menerima suatu barang berharga tanpa balasan iaitu wang tunai berjumlah RM26,000 daripada Elias Jemadi Tajuddin selaku pengarah urusan Syarikat FEHM Entity Sdn Bhd, yang mana tertuduh mengetahui bahawa Elias Jemadi mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasminya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan

di HairDoc Medical Publica A2-1-05, Solaris Dutamas, No.1 Jalan Dutamas 1, di sini pada 8 Mac 2020, mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sampai dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Peguam Datuk Mohd Shahrom Mohamad yang mewakili tertuduh memohon hukuman ringan tanpa pemenjaraan, dengan mengambil kira faktor kesihatan dan usia anak guanya, selain sudah berkhidmat dalam ATM lebih empat dekad.

"Beliau tidak bekerja dan hanya bergantung kepada pendapatan pencen bulanannya bagi menyara keluarga," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Rasyidah Murni Adzmi dan Muhammad Asraf Mohamad Tahir meminta hukuman dalam bentuk pengajaran bukan sahaja kepada tertuduh, malah kepada masyarakat secara am.

"Tindakannya adalah satu pengkhianatan kepada negara. Kegiatan ini sekiranya dibiarkan akan menjadi barah dalam masyarakat," kata Rasyidah. - *Bernama*

HARIAN METRO | 23 APRIL 2022 | MS 22

TUNTUT RM80K, KERJA TAK SIAP

Dua individu direman

Shah Alam: Mahkamah Majistret di sini, semalam membenarkan reman tiga hari terhadap dua individu termasuk seorang penjawat awam bagi membantu siasatan berhubung kes mengemukakan invois mengandungi butiran palsu melebihi RM80,000.

Perintah reman itu dibenarkan Majistret Nur Faizah Abdul Sani selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pagi semalam.

Kelmarin media melaporkan kedua-dua suspek

termasuk seorang penjawat awam wanita ditahan semasa hadir di pejabat SPRM Selangor untuk membantu siasatan.

Sumber berkata, suspek lelaki berusia 47 tahun adalah pengarah teknikal sebuah syarikat teknologi maklumat yang dipercayai mengemukakan invois membabitkan kerja pendawaian elektrik di sekolah pada 2020 sedangkan kerja itu tidak dilaksanakan.

Katanya, kesalahan itu dilakukan bersama wanita berusia 55 tahun yang berkhidmat di sekolah itu.